

04/06/1998

Menghapus sistem palsu pasaran dunia

SETELAH melewati hampir setahun, kegawatan ekonomi di Asia Timur masih belum reda. Negara yang tidak mampu bertahan telah pun menghadapi keadaan yang parah. Tekanan bukan saja datangnya dari dalam negara, malah dipanaskan lagi oleh anasir luar kawalan sesebuah negara. Anasir yang dimaksudkan ialah sistem kewangan yang tidak bersistem. Bagi negara yang mampu bertahan, mereka terpaksa mengambil pelbagai langkah bersendirian menggunakan setiap sumber yang ada dengan matlamat untuk melawan setiap gelombang yang datang. Tindakan demi tindakan terpaksa dilakukan sendiri kerana mereka tidak boleh mengharapka sepenuhnya ihsan daripada pihak luar yang kononnya bersimpati tetapi hakikatnya mempunyai motif. Apa yang berlaku di beberapa negara kebelakangan ini menyebabkan banyak negara kurang yakin dengan bentuk amalan dalam sistem penyaluran bantuan menerusi negara tertentu atau agensi antarabangsa. Bantuan yang diberikan dikenakan syarat yang kadangkala menguji maruah bangsa, sedangkan syarat yang diberikan, setelah dipatuhi sekali pun, tidak memberi reaksi positif. Sebaliknya, apa yang mungkin berlaku, sesebuah negara akan dihimpit dengan masalah lebih besar hingga menimbulkan keadaan tidak stabil.

Di Tokyo kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan analoginya bahawa kegawatan ekonomi yang melanda Asia membuktikan sistem kewangan antarabangsa dalam keadaan kacau-bilau, tidak boleh dipercayai dan merosakkan. Kacau bilau mungkin boleh ditakrifkan bahawa tidak ada peraturan standard dalam menentukan sesuatu urusan niaga kewangan. Ia terlalu terdedah kepada manipulasi hingga menimbulkan satu senario yang boleh mengakibatkan kedudukan mata wang menjunam atau meningkat, tanpa asas dan arah. Ia berlaku kerana ada pihak yang mahu melihat keadaan itu berlaku. Mereka menyalahkan pengurusan sesebuah kerajaan sedangkan kerajaan yang sama sebelum ini meningkatkan kedudukan ekonomi negaranya. Sistem sedia ada tidak menyediakan satu peraturan yang boleh menghalang pihak tertentu membuat untung dalam urusan jual beli mata wang sedangkan urusan niaga yang dijalankan tanpa menggunakan sebarang 'barang dagangan' mengikut kehendak teori ekonomi sebenarnya. Dalam kebuntuan ini, maka timbullah alasan bahawa kuasa pasaranlah menentukan ekonomi atau kedudukan nilai mata wang.

Apakah sebenarnya kuasa pasaran dan siapa pula yang berkuasa di pasaran? Pada kita kuasa pasaran tidak lebih daripada satu percaturan untuk mengkayakan pihak tertentu dan pada masa yang sama memiskinkan pihak lain. Kuasa pasaran biasanya digunakan sebagai tekanan terhadap pihak lain. Ia adalah senjata paling berpengaruh dalam dunia hari ini terutamanya dalam konteks penjajahan baru. Hanya mereka yang berkuasa di pasaran boleh memainkan peranan ini. Negara miskin, hanya mampu menerima kesannya. Jika melawan, kesannya bertambah teruk. Kita berpendapat jika kuasa pasaran boleh diterima sebagai satu mekanisme urusan niaga, maka jelaslah ia adalah satu bentuk monopoli. Ini kerana kuasa pasaran menafikan asas ekonomi sebaliknya apa yang berlaku ekonomi ditentukan oleh kuasa ghaib seperti pedagang mata wang yang tidak dikenali siapa dan beroperasi entah dari mana. Kita juga kabur bagaimana mereka beroperasi kerana apa yang jelas ia lebih kepada manipulasi pasaran. Oleh itu, jika Dr Mahathir mengatakan bahawa sistem yang digunakan sekarang sebagai sistem palsu, ia adalah satu kecaman yang seharusnya diambil kira oleh penganalisis kewangan. Sistem palsu ini hanya boleh dibuktikan jika semua pihak ikhlas mahu membuktikan kewujudannya. Tetapi, selagi sistem ini membenarkan perdagangan mata wang

bertindak menaikkan atau menurunkan nilai sesuatu mata wang berasaskan jumlah wang yang boleh mereka peralatkan, sistem ini tidak akan dilaksanakan seadil-adilnya. Kita mungkin boleh menerima idea kuasa pasaran ini, jika segala urusan niaga dilakukan secara telus dan tidak memusnahkan ekonomi negara lain. Tetapi, daripada perkembangan akibat kemerosotan nilai ringgit dan pasaran saham yang dialami di Asia Timur, kita tidak nampak sistem ini memberi impak yang positif. Oleh itu, kuasa antarabangsa terutamanya pakar kewangan dan ekonomi dunia seharusnya berusaha membetulkan sistem pincang ini. Mereka perlu merumuskan satu sistem kewangan antarabangsa yang dapat menstabilkan kadar pertukaran wang. Setakat ini kesedaran politik mengenai masalah ini sudah pun meluas dengan andaian perbincangan mengenainya sudahpun membabitkan pemimpin banyak negara. Soalnya sejauh mana pemimpin politik dari negara kuasa besar jujur memperbaiki keadaan.

(END)